

SALAH FAHAM TEMPAT PRAKTIKAL

Tiada niat
mungkin
janji tukar
lokasi latihan
hingga
rakan karib
bersikap
dingin



Saya berselisih faham dengan seorang rakan karib kerana gagal menepati janjinya. Disebabkan hal itu, dia menjauhkan diri daripada saya dan hubungan persahabatan kami menjadi dingin. Saya sangat tidak selesa dengan apa yang berlaku antara kami. Ia sungguh menyakitkan hati. Saya bukan sengaja mungkir janji, tetapi kerana ada sesuatu hal tidak dapat dielakkan saya terpaksa menolak ajakannya untuk bersama-sama menjalani latihan praktikal. Selepas itu, dia seperti tidak berminat untuk berkawan dengan saya lagi. Saya ingin menjelaskan kepadanya sebab tidak dapat praktikal di tempat sama tapi dia tidak mahu mendengar.

Terdapat banyak faktor yang perlu saya fikirkan seperti sumber kewangan, jarak dan kemudahan lain. Berbeza dengannya, tempat praktikal itu berdekatan rumah ibu bapanya. Dia boleh tinggal di rumah orang tuanya dan saya pula perlu mencari rumah atau bilik sewa. Saya ingin memohon maaf tapi dia tidak pernah membalas mesej dan tidak berminat untuk mengangkat panggilan telefon saya lagi. Apa yang harus saya lakukan?

SEDIH
Negeri Sembilan

Perkara pertama perlu ditanamkan dalam hati adalah menghormati keputusan dibuat berdasarkan beberapa faktor yang anda pertimbangkan. Tindakan menghormati perasaan dan keputusan sendiri, mampu membuat anda lebih yakin dengan diri sendiri. Keputusan itu memberikan peluang untuk anda

memilih apa yang terbaik untuk diri sendiri, namun ia turut memberi kesan dalam perhubungan anda dengan rakan karib.

Apa yang saya faham di sini anda berdua bersepakat pada mulanya untuk menjalani latihan praktikal bersama-sama. Namun disebabkan beberapa faktor, anda menolak semula perancangan itu hingga rakan baik berkecil hati dan mula bersikap dingin.

Meskipun begitu, anda melakukan beberapa perkara sebagai usaha untuk memberi penjelasan kepadanya namun respon diterima agak negatif. Oleh itu, usaha perlu diteruskan kerana anda sudah pun melakukan apa yang terdaya.

Dalam kemelut ini, anda perlu berterusan berusaha menghubungi rakan baik untuk berterus-terang. Anda boleh menggunakan pelbagai cara komunikasi seperti media cetak atau media elektronik untuk menghantar mesej. Dalam proses ini, cuba jelaskan kepa-

danya sebab anda berubah fikiran dan memilih tempat praktikal baru. Selain itu, anda boleh menyatakan harapan untuk terus berkawan dengannya seperti biasa.

Terangkan secara jujur anda turut berasa serba salah tetapi kerana faktor tertentu anda terpaksa memilih tempat baru. Terangkan kepadanya betapa anda sedih dengan apa yang berlaku dan ingin berterus-terang. Ceritakan semua hal ini satu persatu. Saya yakin, dia tetap membaca mesej itu walaupun tidak membalasnya. Selain itu, minta bantuan rakan lain untuk memberitahu rakan baik apa yang anda lalui. Apa yang perlu anda korbakan dalam memastikan tempat praktikal itu bersesuaian dengan kemampuan. Sempatkan bantuan dari rakan lain dapat membantu dia mengetahui hal sebenar.

Di samping itu, anda boleh terus menghubunginya supaya satu hari nanti dia menyambut panggilan

anda itu. Teruskan usaha untuk memperbaiki hubungan. Jika tidak dia, anda yang perlu lakukan sesuatu ke arah kebaikan. Jika sekiranya rakan baik masih bersikap dingin, anda tidak perlu berasa bersalah. Dalam hal ini, anda membuat satu keputusan yang tegas untuk diri berdasarkan situasi dialami. Jika anda memilih untuk menjalani latihan praktikal bersamanya, mungkin berhadapan isu kewangan atau kesukaran lain. Semua ini perlu dipertanggungjawabkan kepada anda semata-mata. Oleh itu, hormati pilihan dibuat. Dalam masa sama, usah terlalu menghukum diri pada sesuatu bukan salah anda. Malainkan jika anda benar-benar melakukan kesalahan pada dirinya sehingga menjejaskan keperluan orang lain. Jika hal sebegini berlaku, mohon kemaafan tanpa jemu. Berdoa supaya Allah permudahkan urusan anda.

BERGAUL GUNA BAHASA BAIK

Saya dalam proses memperbaiki diri sendiri ke arah yang lebih elok dan bersesuaian dengan persekitaran. Saya berasakan seperti ada banyak perkara yang perlu diperbaiki terutama dalam pergaulan seharian. Saya memerlukan panduan dan cara sebenar menjaga adab pergaulan dengan rakan.

INGIN TAHU
Kelantan

Dalam kehidupan seharian, kita sering bergaul bersama rakan dan jiran tetangga. Kadangkala kita bertegur sapa dengan orang tidak kita kenali. Banyak adab boleh dipraktikkan dalam pergaulan.

Antara adab pergaulan baik dengan rakan adalah:

1. Gunakan bahasa yang baik iaitu yang positif dan tidak menyakitkan hati orang lain. Perlu diketahui perhubungan komunikasi menjadi tegang dan bermasalah hanya kerana bahasa yang digunakan agak kasar bunyinya dan sinis. Meskipun sesetengah orang mengatakan bahasa itu bukan apa yang dimaksudkan, namun kepentingan menggunakan



bahasa yang baik sangat penting.

2. Bergaul dengan mesra iaitu dengan senyum dan ikhlas. Bergaul dengan sesiapa saja yang boleh memberikan manfaat pada diri baik secara fizikal, emosi mahupun intelektual. Pergaulan mesra bergantung kepada sikap ramah mesra yang dimiliki seseorang individu itu. Anda tidak semestinya menjadi seorang yang suka bersosial saja, malah ia perlu sesuai

dengan orang dijumpai itu. Pelajari sikap mereka untuk memudahkan komunikasi dan perhubungan sosial berlaku secara aman dan harmoni.

3. Memberi pertolongan dengan ikhlas sekiranya diperlukan. Dalam menjaga adab pergaulan, berbakti dan menolong rakan juga dianggap sebagai satu perilaku mulia. Dalam hal ini, anda boleh sentiasa membantu rakan yang memerlukan

jika berkelapangan atau mampu. Namun perlu diingatkan juga supaya tidak lupa membantu diri sendiri. Jangan nanti terlalu fikirkan orang lain hingga hal penting diri sendiri terabai.

4. Elak bertengkar dan bergaduh. Perkara ini juga penting dalam menjaga adab bergaul. Usah berlagak pandai atau inginkan permusuhan sebaliknya cuba elak dari berlaku. Perkara penting

yang boleh dilakukan adalah dengan mempelajari kemahiran mendengar iaitu bertenang dan biarkan penjelasan berlaku jika wujud perselisihan faham. Apabila rakan bercakap, sebaiknya anda diam bagi memberi laluan kepadanya bercakap. Begitu juga ketika anda ingin memperkatakan sesuatu hal. Rakan perlu mendengar apa yang ingin anda cakapkan.

5. Sedar bahawa amalan menjaga adab pergaulan ini adalah disarankan dalam Islam. Ia memberi kesan positif seperti mendapat pahala, mengeratkan hubungan, hidup dengan harmoni, serta mudah mendapat ramai kawan. Kefahaman dan kesedaran hal ini mampu memberikan semangat untuk anda terus istiqamah menjaga adab dalam pergaulan.

6. Sentiasa memulakan persahabatan dengan niat yang baik kerana Allah. Dengan niat yang baik, segala tingkah laku juga akan diberkati. Ia juga menjadi benteng rohaniah kepada anda dalam mengekalkan sifat baik yang diajarkan dalam Islam. Teruskan istiqamah dalam melakukan kebaikan.